

15/02/2003

NS unggul maraton Regatta Perdana

SEPERTI dijangka ramai, pelayar Negeri Sembilan mengungguli kategori A acara maraton pada hari pertama Kejohanan Perahu Layar Regatta Perdana Terbuka Kedah Langkawi 2003, di Langkawi, petang semalam.

Jaguh perahu layar optimist kebangsaan, Alvin Yeow Jian Shing, menduduki tempat pertama selepas mendahului rakan sepasukan Nor Asyraf Sohaimy dan Ng Sing Kwan masing-masing di tempat kedua dan ketiga.

"Ia menguatkan tekad saya untuk terus mencatat kejayaan esok," katanya sambil menyifatkan kejohanan itu penting sebagai persiapan mewakili Malaysia menghadapi Kejohanan Perahu Layar Dunia 2004 di Ecuador, Amerika Selatan.

Dia yang berpengalaman luas dalam sukan berkenaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa gagal disaingi pelayar lain selepas mahir mengharungi cuaca panas dan tiupan angin selaju 10 hingga 12 knot.

Kejohanan anjuran Persatuan Perahu Layar Kedah di perairan berhadapan Hotel Tiara Langkawi itu menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah RM50,000

dan mendapat restu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagi kategori B, pelayar Selangor, Mohd Azrul Hafizi Fauzi muncul johan, diikuti Haris Ambri Nasution juga dari Selangor di tempat kedua dan Ku Anas Ku Zamir (Kuala Lumpur) tempat ketiga.

Pelayar harapan tuan rumah, Khairul Nizam Mohamad Affendy turut unggul selepas muncul johan Kategori C dengan meninggalkan dua pelayar Selangor, Nazirin Muis Mohd Asri dan Mohd Amrul Mustakim di tempat kedua dan ketiga.

Seramai 140 pelayar menyertai acara itu yang dilepaskan oleh Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Pembangunan Koperasi Kedah, Datuk Md Hassan

Bulat di perairan Hotel Tiara, Langkawi, kira-kira jam 3.15 petang.

Sepanjang acara berkenaan, pelayar dikehendaki belayar sejauh 7.6 batu nautika bermula dari perairan hadapan Hotel Tiara ke Pulau Jerkom dan berpatah balik ke tempat permulaan.